

Perluasan Islam ke Wilayah Balkan di Bawah Kesultanan Murad I (1362-1389)

BITARA

Volume 7, Issue 1, 2024: 174-185
© The Author(s) 2024
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 3 February 2024
Accepted: 22 February 2024
Published: 7 March 2024

[*The Expansion of Islam into The Balkans Under The Rule of Sultan Murad I (1362-1389)*]

Norshafika Muhammad Shahril, Ermy Azziaty Rozali,¹ Ezad Azraai Jamsari,¹
Noorsafuan Che Noh,² Mohammad Zaidin Mohammad² & Hanif Lateh@Junid²

1 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: ezad@ukm.edu.my; ermy@ukm.edu.my

2 Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.
E-mail: noorsafuancn@unisza.edu.my; mzaidin@unisza.edu.my; hanifjunid@unisza.edu.my

*Corresponding Author: ezad@ukm.edu.my

Abstrak

Artikel ini memperkatakan mengenai penguasaan Sultan Murad I dan penyebaran Islam meliputi kawasan di Semenanjung Balkan pada era Uthmaniyyah abad ke-14M. Ia bertujuan untuk mengetengahkan ciri keperibadian Sultan Murad I sehingga berjaya membawa pembentukan kerajaan Uthmaniyyah di Erdine. Kejayaan Sultan Murad I telah membawa kepada penguasaan wilayah di Balkan meskipun berhadapan pelbagai cabaran pertempuran Kosovo pada tahun 1389. Kajian mengenai perkara ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan. Sumber-sumber utama dalam bidang ini telah diteliti untuk mendapatkan maklumat perkembangan kehidupan Sultan Murad I dalam *futuhat Islamiyyah*. Ini terbukti menerusi kemunculan faktor-faktor yang dibawa oleh Sultan Murad I bagi mengukuhkan kemajuan kerajaan Uthmaniyyah dalam menewaskan kerajaan Byzantin. Impak kepada pertempuran Kosovo pada tahun 1389 telah membawa banyak perubahan semasa serta penyesuaian ketenteraan yang lebih tersusun.

Kata kunci: Ketenteraan Uthmaniyyah, Kosovo, Balkan, *futuhat Islamiyyah*

Abstract

This article discusses the rule of Sultan Murad I and the spread of Islam in the Balkan Peninsula during the 14th century under the Ottoman Empire. It aims to highlight the personal characteristics of Sultan Murad I that enabled him to successfully establish the Ottoman Empire in Edirne. The success of Sultan Murad I led to the conquest of the Balkan region, despite facing various challenges such as the Battle of Kosovo in 1389. A study on this matter was conducted using a content analysis approach. Primary sources in this field were examined to obtain information about the development of Sultan Murad I's life within the context of Islamic expansion. This is evident through the emergence of factors introduced by Sultan Murad I to strengthen the progress of the Ottoman Empire in defeating the Byzantine Empire. The impact on the Battle of Kosovo in 1389 brought about significant changes in the contemporary context and led to better military coordination.

Keywords: Military of Ottoman, Kosovo, Balkan, Islamic Expansion.

Cite This Article:

Norshafika Muhammad Shahril, Ermy Azziaty Rozali, Ezad Azraai Jamsari, Noorsafuan Che Noh & Mohammad Zaidin Mohammad@Mat. (2024). Perluasan Islam ke Wilayah Balkan di Bawah Kesultanan Murad I (1362-1389) [The Expansion of Islam into The Balkans Under The Rule of Sultan Murad I (1362-1389)]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(1): 174-185.

Pengenalan

Semangat keutuhan, kekuatan dan kestabilan adalah lambang utama kepada sesebuah kerajaan untuk mencapai aspek kekuatan ketenteraan, selain sumbangan faktor politik, ekonomi dan sosial. Malah, tanpa ketiga-tiga faktor ini pasti tidak dapat bergerak arus pentadbiran dengan baik tanpa ditunjangi dengan kekuatan ketenteraan yang kuat bagi menjamin kedaulatan sesebuah wilayah dan kerajaan. Justeru, sejak zaman lampau yang menyaksikan kehebatan kerajaan Rom dan Parsi sehingga era moden ini, antara pengukuhan elemen ketenteraan yang sentiasa dominan dalam kerajaan itu. Secara tidak langsung, ia membawa maksud kekuatan pemerintahan adalah cerminan bagi pengukuhan dan kemajuan ketenteraan. Natiujahnya, faktor ini bukan sahaja dapat mengekalkan kestabilan sesebuah negara, bahkan turut memberi kesan kepada kelestarian aspek pentadbiran politik, kemajuan penjanaaan sumber ekonomi dan peningkatan hubungan sosial di sesebuah kawasan. Ini dapat dilihat dengan jelas, bahawa kebanyakan kuasa besar dunia berupaya melonjakkan pemerintahan mereka menjadi semakin maju dan berkembang melalui kekuatan ketenteraan yang dimiliki oleh mereka.

Tegasnya pada abad ke-14M telah menyaksikan sebuah kerajaan Uthmaniyyah yang berjaya mewujudkan legasi Islam yang kuat dan hebat. Pemimpin negara telah memainkan peranan penting dalam menjayakan misi kekuatan dan kemajuan sesebuah kerajaan. Pada tahun 1362 hingga 1389, Sultan Murad I atau dikenali Sultan al-Rum adalah seorang pemimpin yang terkenal kerana sikapnya adil, berjihad *fi sabilillah*, pemberani, dermawan dan kuat berpegang pada agama. Penukaran ibu negara Uthmaniyyah yang menggantikan Bursa telah dipindah ke Adrianople (Erdine) atas usaha semangat Murad I dalam menggerakkan perkembangan Islam ke Eropah Tenggara termasuk Balkan, Serbia dan Bulgaria. Hasil daripada sikap semangat jihad tentera Islam yang dilihat dalam pencapaian kemenangan terbesar di kota Konstantinople, seumpama membuka gerbang kejayaan Islam dalam penguasaan ke Benua Eropah menerusi wilayah Balkan.

Artikel ini memberi tumpuan mengenai kehidupan Sultan Murad I yang membawa kepada pembentukan kesultanan Uthmaniyyah di Erdine. Dalam hal ini, kejayaan Murad I juga dibuktikan menerusi penguasaan kerajaan Uthmaniyyah menerusi aspek sosiopolitik bermula sejak awal pemerintahan tahun 1362 sehingga pada akhir hayatnya tahun 1389. Sumbangan Sultan Murad I semasa *futuhat Islamiyyah* di Balkan dapat dilihat menerusi gerakan ketenteraan dan pentadbirannya. Perbincangan ini dimulakan dengan latar belakang kehidupan Murad I dalam pelbagai sudut dan pembentukan kesultanan Uthmaniyyah di Erdine sehingga menempuhi pelbagai cabaran dalam siri peperangan penguasaan wilayah di Balkan. Kupasan ini juga diakhiri dengan perbincangan mengenai pertempuran Kosovo 1389 yang menjadi detik pengakhiran riwayat hidup Sultan Murad I.

Latar Belakang Kehidupan Sultan Murad I

Selepas kewafatan Orhan I pada tahun 1362M, pentadbiran Uthmaniyyah diserahkan kepada puteranya Murad ibn Orhan atau dikenali sebagai Murad I. Baginda menerajui kepimpinan semasa berumur 36 tahun selepas kewafatan bapanya. Murad I dilahirkan pada tahun 29 Jun 1326 di Bursa dan wafat pada 15 Jun 1389 ketika berumur 62 tahun. Baginda merupakan anak lelaki kepada Orhan I dan Valide Nilüfer Hatun yang berketurunan Greek dan beragama Kristian Ortodoks sebelum memeluk Islam (Leslie P. Peirce. 1993). Menurut sumber lain dari dokumen Genoa (Halil İnalçık. 2006) terapat pelbagai gelaran Sultan Murad I yang disebut oleh pelbagai etnik dan bangsa seperti gelaran *Bey*, *Emîr-i-a'zam* (ketua besar), *ghazi*, *Hüdavendigâr*, *Khan*, *Padishah*, *Sultânü's-selâtin* (kesultanan) dan juga *Melikü'l-mülûk*. Sementara etnik di Bulgaria dan Serbia, memberi gelaran Tsar (bermaksud ketua kaum Turki). Meskipun begitu, semasa pemerintahan Murad I (1362-1389), baginda telah mengambil keputusan menjadi pemerintah Kerajaan Turki Uthmaniyyah pertama yang mengisytiharkan dirinya sebagai Hüdavendigâr yang bermaksud dalam bahasa Turki adalah Maharaja atau kesultanan. Manakala, gelaran Hüdavendigâr menurut definisi Parsi pula bermaksud berdaulat (Mehrddad Kia. 2008: 3). Selain itu, Sultan Murad I juga dikenali sebagai Murad-ı Hüdavendigâr yang ditetapkan gelaran kesultanan pada tahun 1363. Sumbangan Sultan Murad I juga dapat dilihat pada tahun 1383, baginda telah membentuk satu pasukan ketenteraan Uthmaniyyah iaitu Jannisary yang berperanan besar dalam *futuhât Islamiyyah* di Balkan. Justeru, di sebalik ketegasan dalam pentadbiran, baginda juga seorang yang bijaksana dan cerdik dalam menyelesaikan masalah termasuklah hal berkaitan menandatangani namanya sendiri. Semasa awal tampuk pemerintahannya, baginda seorang buta huruf, maka pada tahun 1363, Murad I telah menandatangani satu perjanjian dengan kaedah memasukkan tangannya ke dalam tinta berdakwat dan copkan tanda jarinya di surat perjanjian tersebut (Lord Eversley. 2020: 20; Goodwin & Godfrey. 2001: 15).

Sementelahan itu, dapat diperincikan kehidupan Sultan Murad I bersama keluarganya termasuk tiga pasangan isteri iaitu Gülçiçek Hatun, Thamara Hatun dan Paşa Melek Hatun. Hasil perkahwinan tersebut, baginda dikurniakan seramai lima orang putera lelaki iaitu Yahşi Bey, Şehzade Savcı Bey, Sultan Bayezid I, Şehzade Yakub Çelebi dan Şehzade Ibrahim manakala seorang anak perempuannya bernama Nefise Hatun (Heath W. Lowry. 2003: 153). Pada tahun 1389, berlaku satu peristiwa besar yang mengorbankan Sultan Murad I di medan perang dalam Pertempuran Kosovo (yang kini berada di daerah Pristina, Kosovo). Jenazah baginda dikebumikan di Sultan Murad Türbe, Osmangazi, Bursa bersama para syahid yang wafat ketika peperangan itu berlaku. Tampuk pemerintahan Sultan Murad I berlaku pada Mac 1362 sehingga 15 Jun 1389 iaitu sekitar 27 tahun dan digantikan takhta tersebut oleh puteranya iaitu Sultan Bayezid I. Sepanjang tempoh pemerintahan baginda, terdapat banyak perkembangan yang telah dijalankan khususnya dalam perluasan Islam di Eropah Tenggara dengan membawa sebahagian besar wilayah di Balkan dalam pentadbiran kerajaan Uthmaniyyah (John V. A. Fine. 1994: 410).

Sejarah Pembentukan Pentadbiran Uthmaniyyah Di Erdine

Pada pertengahan abad ke-14M, berlaku penggantian tampuk pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah dari Sultan Bayezid I (1389-1402) kepada Sultan Murad I yang menyaksikan perubahan pelbagai aspek dalam institusi pentadbiran dan perluasan wilayah. Baginda merupakan pemimpin ketiga Uthmaniyyah yang telah bertindak memindahkan ibu kota kerajaan dari Bursa ke Edirne pada sekitar tahun 1365 (Stephen Turnbull. 2003: 102). Susulan keputusan itu dibuat apabila kejayaan ketenteraan baginda menguasai wilayah Thrace di barat semasa tahun 1365, kemudian di wilayah Adrianople dan Philippopolis pada tahun 1369. Peristiwa tersebut memberi peluang kepada Uthmaniyyah dalam menjatuhkan kerajaan Byzantine yang dipimpin oleh maharaja Byzantium John V Palaeologus. Semenjak itu, wilayah Adrianople dipilih sebagai ibu kota kerajaan Uthmaniyyah dan ditukar nama sebagai Erdine. Pada awal penubuhan Kerajaan Uthmaniyyah, ibu kota kerajaan pertama terletak di kota Söğüt (1302–1326), kemudian telah bertukar lokasi di kota Bursa (1326–1365). Seterusnya, semasa pemerintahan Sultan Murad I telah bertukar ibu kota di Kota Erdine kali ketiga dari tahun 1365 hingga 1453. Namun, sekali lagi ibu kota Uthmaniyyah telah bertukar kawasan kali keempat iaitu di kota Konstantinople (Istanbul) semasa pemerintahan Sultan Mehmed II pada tahun 1453 hingga 1922 yang akhirnya menjadi ibu kota terakhir. Wilayah Erdine juga mempunyai sejarah besar semasa proses pembukaan Islam di kota Konstantinopel oleh Sultan Muhammad al-Fateh (Mehmed II) kerana kedudukan wilayah tersebut merupakan pintu masuk sebelah barat yang dilalui barisan tenteranya ketika itu.

Sehubungan dengan itu, pemerintahan Murad I telah menyaksikan perkembangan Uthmaniyyah yang diselaraskan secara sistematik menerusi kemunculan bentuk baharu pemerintahan dan pentadbiran. Perpindahan ibu kota Uthmaniyyah dari Bursa ke Erdine antara faktor utama kestabilan politik, ekonomi dan sosial kerana berjaya menyatukan pemerintahan Uthmaniyyah di kawasan perluasan Islam yang baharu di Eropah. Semasa pemerintahan Murad I, terdapat pembaharuan menerusi beberapa institusi asas kerajaan Uthmaniyyah. Antaranya pejabat ketenteraan pentadbiran kaziasker (hakim tentera), beylerbeyi (panglima besar) dan wazir (menteri). Pemilihan jawatan golongan wazir akan ditentukan dan dipilih oleh Sultan Murad I menerusi kriteria kebijaksanaan, kebolehan, kemahiran serta pemikiran kritis, tiada rekod jenayah yang buruk serta tidak memiliki niat yang boleh menjatuhkan kerajaan itu. Pelantikan tersebut tidak hanya tertumpu kepada kerabat kesultanan sahaja, malah dibuka kepada golongan bangsawan dan golongan elit yang berkeelayakan. Selain itu, menerusi kedudukan geografi, kawasan Erdine juga merangkumi bahagian barat benua Eropah iaitu bersempadan wilayah bahagian barat Greece, timur Macecdonia dan utara Bulgaria. Erdine terletak dalam wilayah Thrace Timur dan kini kedudukan Erdine secara rasmi menjadi wilayah di bawah negara Turki yang berkeluasan 6,279 km² (2,424 sq mi) dengan jumlah populasi 411,528 penduduk (Lowry & Heath. 2003: 153).

Tamsilnya, kebangkitan dan kemajuan kerajaan Uthmaniyyah semasa era Sultan Murad I bukan sahaja melibatkan kepada kestabilan politik, malah baginda berjaya membentuk satu organisasi ketenteraan yang kuat dan masyhur. Pada tahun 1383, baginda memperkenalkan satu pasukan tentera yang berperanan dalam aspek pertahanan dan pengawalan iaitu pasukan unit Jannisary. Pasukan ini terdiri dari pasukan Jannisary (pasukan elit) melalui sistem *devşirme*

(pungutan anak) di mana orang-orang Jannisary direkrut dengan telus dan sistematis (Kinross & Patrick. 1979: 50). Pasukan Jannisary dipilih dari golongan kanak-kanak lelaki Kristian yang berumur lebih daripada enam tahun, yang kebanyakannya menetap di wilayah Eropah penguasaan Uthmaniyyah seperti wilayah Greek, Anatolia dan semenanjung Balkan yang diambil sebagai pasukan tentera elit di kerajaan Uthmaniyyah. Impaknya, unit tentera Janissary sememangnya telah dilatih dan dibimbing latihan tentera dengan cukup lama sejak dari usia remaja yang mampu memiliki kemahiran pertahanan yang mantap.

Rentetan itu, sebilangan kecil kanak-kanak terpilih dalam unit Janissary dakan dibuat penilaian terlebih dahulu akan kebolehan tersendiri. Individu yang terpilih kerana kebolehan dan kebijaksanaan akan ditawarkan kepada jabatan *standard* pendidikan yang lebih baik. Maka, golongan yang terpilih akan mudah dilantik menjadi golongan wazir yang berperanan dalam urusan pentadbiran kerajaan dan juga bidang intelektual. Antaranya ialah jurusan sains, arkitek, doktor dan ahli fizik. Jika ditinjau daripada skop dimensi yang lain, pencapaian matlamat Sultan Murad I dalam membina pasukan Jannisary akhirnya tidak berkekalan lama selepas reformasi yang dibawa oleh Sultan Selim III. Pada 14 Mei 1792, baginda telah mengeluarkan arahan rasmi bagi membubarkan pasukan Jannisary dan digantikan kepada pasukan baharu yang dikenali *Nizam-i Cedid* atau *The New Order*. Agenda baharu tersebut tercetus akibat permasalahan dan pertikaian dalam kerajaan termasuklah peristiwa Kemalangan Penuh Bermakna (Auspicious Incident atau Auspicious Event) di Balkan ekoran pemberontakan berlaku pada zaman tersebut (Yusrizal & Ezad A. J. & Ermy A. R. 2021: 90).

Perluasan Penyebaran Islam dalam Institusi Ketenteraan Sultan Murad I

Sumbangan terbesar Sultan Murad I dalam ekspedisi ketenteraannya menuju ke wilayah Balkan dapat dilihat menerusi kejayaan penguasaan baginda sepanjang pemerintahannya. Antaranya ialah perluasan Islam di Thrace (Greek) dan Macedonia pada tahun 1365, kemudian diteruskan dalam kejayaan menguasai Adrianople (Edirne) di Greek pada tahun 1369. Seterusnya pada tahun 1373, Sultan Murad I berjaya menguasai Balkan, Serres (Greek) pada tahun 1383, Sofia (Bulgaria) pada tahun 1385, Nish (Bulgaria) pada tahun 1386, dan juga menguasai Thessaloniki (Greek) pada tahun 1387. Baginda juga terlibat dalam peperangan Kosovo pada 15 Jun 1389 yang menyebabkan kewafatan baginda semasa peperangan tersebut (Gabor Agoston. 2009: 401; Somel & Selcuk A. 2003: 198).

Susulan selepas kejayaan kerajaan Uthmaniyyah menguasai Adrianople, baginda melihat kedudukan geografi Adrianople yang strategic iaitu berada di sempadan Greece dan Bulgaria. Oleh itu, semasa era pemerintahan Sultan Murad I telah menukarkan ibu kota dan pusat pemerintahan di Adrianople. Hal ini secara tidak langsung memberi impak besar dalam gerakan ketenteraan Islam ke Eropah Tenggara. Maka susulan itu, ekspedisi perluasan kerajaan Uthmaniyyah di wilayah Balkan semakin berkembang maju. Sehubungan itu, dapat dilihat Sultan Murad I berjaya memperluaskan Islam ke seluruh wilayah Thrace yang dahulu meliputi sebuah kawasan geografi dan bersejarah di tenggara Eropah. Pada Zaman Klasik, Thrace merujuk sebagai "Eropah", sebelum istilah ini diperluaskan bagi memperincikan keseluruhan benua yang berasal dari penduduk Thrakia iaitu satu kaum purba Indo-Eropah yang telah

menetap di Eropah Tenggara. Kawasan Thrace sangat luas, namun era masa kini ia berpecah ke dalam wilayah negara Turki, Yunani (Greece) dan Bulgaria yang bersempadanan dengan Pergunungan Balkan di utara, manakala selatan berada di Laut Aegea dan Laut Hitam di timur. Oleh itu, pada tahun 1383 menjadi tonggak kekuatan yang ditonjolkan menerusi ketenteraan Uthmaniyyah selepas melakar kejayaan menguasai Thrace yang hampir 30% berada dalam kedudukan Balkan (Swinburne Carr & Thomas. 1838: 56).

Seterusnya, gerakan ketenteraan Uthmaniyyah diteruskan lagi kepada tahun 1389, apabila berjaya menguasai Bulgaria, Macedonia, dan Serbia. Susulan kejayaan tersebut, Sultan Murad I mula menyelaraskan semula tampuk pemerintahannya dengan lebih tersusun dan sistematik khususnya dalam bidang ketenteraan. Baginda menyelaraskan semula struktur organisasi tentera Jannisary menjadi lebih dinamik dan terkoordinasi dalam setiap misi peperangan. Selain itu, pembayaran gaji juga diberikan kepada tentera yang semakin cemerlang dalam perkhidmatan kawalan sultan dan juga kepada yang berjaya mengembangkan organisasi pemerintahan serta ketenteraan Uthmaniyyah. Menerusi perbendaharaan negara yang diuruskan oleh wazir iaitu, Cendereli Kara Halil telah bertindak menyusun semula sistem pajak dan mendirikan jabatan Hasil Negara (Ganaim-i Miri), iaitu pengumpulan cukai mengikut prosedur undang-undang yang ditubuhkan oleh Sultan Murad I. Kutipan dan pengumpulan cukai yang dikenakan dari pelbagai wilayah atau negeri, termasuk dari masyarakat Serbia dan Byzantine yang berada di bawah penguasaan Uthmaniyyah. Hasilnya, buat pertama kali dalam sejarah Uthmaniyyah, pendapatan perbendaharaan negara berjaya memiliki kuantiti penyimpanan yang lebih tinggi daripada pengeluaran perbelanjaannya. Pembaharuan ini menjadi titik kekuatan ketenteraan Uthmaniyyah dalam semangatnya menguasai Eropah Tenggara kerana kecukupan dana dan pendapatan dalam setiap peperangan berlaku tanpa masalah atau kerugian (Cemal B. & Ayşe Y. 2003: 3).

Secara tidak langsung, kegemilangan wilayah Savoy merupakan kawasan bersejarah budaya di Alps Barat yang kini terletak di sempadan antara Perancis dan Itali telah menjadi cabaran kepada Murad I apabila mereka mencetuskan perang salib. Pada abad ke-14M, kawasan tersebut diperintah oleh Amadeus golongan Savoy yang mencetuskan propaganda kerajaan Kristian menentang kerajaan Uthmaniyyah kerana ingin menguasai semula wilayah Gallipoli dari tentera Murad I. Oleh itu, permulaan serangan kecil terdapat pada tahun 1366 yang hanya melibatkan golongan bangsawan Savoy kecil dengan membawa angkatan tentera seramai 1700 orang dan 15 kapal laut yang bermotifkan untuk menentang kemaraan ketenteraan Sultan Murad I di Balkan. Semasa peperangan berlangsung, tentera Savoy telah dibantu oleh negara sekutunya iaitu Byzantine, Lesbos dan juga kerajaan Hungary. Kedatangan awal dibantu oleh sepupu Amadeus iaitu, John V Palaeologus seorang Maharaja Byzantine anak kepada permaisuri yang berketurunan Savoy bernama Anne. Kemudian perang salib ini, turut menerima kedatangan barisan tentera dari Francesco I iaitu kerajaan Lesbos, serta pasukan tentera raja Hungary iaitu Louis yang hebat dalam ketenteraannya untuk membantu golongan Savoy mengundurkan tentera Uthmaniyyah dari wilayah Gallipoli. Pada permulaan peperangan tersebut, ia berpihak kepada tentera salib namun ia tidak kekal lama, kerana mereka kehilangan Gallipoli selepas beberapa tahun akibat kekuatan ketenteraan Uthmaniyyah yang semakin kuat di bawah Sultan Murad I.

Pada ketika itu, tentera salib tewas dalam serangan tersebut akibat permasalahan dalaman politik yang terdapat selepas John V telah ditawan oleh orang Bulgaria. Manakala,

Amadeus telah membawa pulang pasukannya melalui armada Laut Hitam di pelabuhan Mesembria dan Sozopolis (Norwich, John J. 1998: 16). Peluang keemasan ini dimanfaatkan oleh Sultan Murad I dalam usaha menguasai Gallipoli di Dardanelles, dan sedikit demi sedikit penguasaannya berkembang luas. Oleh itu, kebangkitan ketenteraan Murad I pada tahun 1371 telah memulakan langkah ekspedisi menguasai semula Gallipoli yang dinamakan Pertempuran Sungai Maritsa. Dalam serangan itu, ketenteraan Uthmaniyyah berjaya menewaskan gabungan tentera Savoy yang membawa sekaligus penguasaan Islam di kawasan wilayah Balkan pada tahun 1373, antaranya wilayah Macedonia Dráma, serta wilayah Kavála Seres (Greek) pada tahun 1383. Kemenangan ini membawa kepada penyebaran dan perkembangan Islam di wilayah Serbia dan Bulgaria. Impaknya, kejayaan Islam telah menimbulkan kebimbangan kepada Maharaja Byzantine. Demi keselamatan, John V Palaeologus terpaksa mengambil keputusan untuk tunduk hormat kepada pemerintahan Uthmaniyyah semasa pentadbiran Sultan Murad I.

Semenjak itu, Sultan Murad I mula bangkit meneruskan *futuhat Islamiyyah* pada tahun 1380, yang dimulai bahagian barat kota Sofia pada tahun 1385. Hasilnya membawa kejayaan perkembangan Islam di seluruh kota Sofia, Bulgaria dan juga kawasan Niš, Bulgaria pada tahun 1386. Pada tahun yang sama, pasukan Putera Lazar dari kerajaan Hrebeljanović di Serbia telah mengalahkan pasukan Uthmaniyyah di Pertempuran Pločnik. Implikasi daripada peperangan tersebut menyebabkan tentera Uthmaniyyah mengalami kekalahan yang teruk serta kerugian besar termasuklah wilayah Niš. Peristiwa Pertempuran Pločnik berakut pada tahun 1386 berlarutan hingga 1395 yang berlaku berhampiran kawasan Prokuplje. Serangan hendak dilakukan oleh tentera Serbia seramai 15000 tentera berkuda dan pemanah bertindak menyerang pasukan Uthmaniyyah dengan kejam di kawasan rehat mereka. Menurut sejarawan Croatia Vjekoslav Klaić, tentera Lazar telah dibantu oleh pasukan ketenteraan dari Bosnia (Namik & Kemal. 1982: 200-250). Kesannya, seramai 12000 tentera Islam terbunuh dan yang selamat hanya 5000 orang. Manakala, tentera Serbia kehilangan tenteranya seramai 18000 orang. Meskipun kemenangan tersebut berpihak kepada tentera Lazar, namun pandangan versi sejarawan berpendapat bahawa pertempuran ini adalah tipu muslihat yang tidak adil kepada pasukan Uthmaniyyah (Imber & Colin. 2012: 10).

Susulan peristiwa itu, pemangkin semangat Sultan Murad I dalam usaha memperluaskan kembali kekuasaannya dengan gabungan pasukan dari Ankara diteruskan kepada wilayah Anatolia. Perluasan ini berjaya diteruskan hingga ke sempadan lautan Hitam iaitu di wilayah Tokat yang kini berada di bawah kerajaan Turki. *Asbab* lain penyebaran Islam zaman Sultan Murad I selain daripada perluasan daripada ketenteraan adalah menerusi perkahwinan dan pembelian di wilayah Germiyan, Tekke dan Hamid. Oleh itu, Sultan Murad I telah mengumpulkan barisan ketenteraan dan penguasaan Islam secara besar-besaran. Maka, pada tahun 1386, gabungan kerajaan Turki yang ketua oleh Karaman telah mempertahankan kawasan Uthmaniyyah dari serangan tentera Serbia dan Bosnia tetapi dikalahkan di kawasan Konya. Sekali lagi pada tahun 1387 dan 1388, gabungan kerajaan Serbia utara dan Bosnia kembali menentang penguasaan ketenteraan Uthmaniyyah di Pločnik (Serbia) tetapi gagal. Kerisauan kedua kerajaan Kristian itu semakin bertambah setelah melihat kemaraan Uthmaniyyah dalam menguasai Thessaloniki (Greek) pada tahun 1387. Oleh itu, pertempuran pertama Kosovo mula tercetus pada tahun 1389 yang melibatkan tentera Uthmaniyyah dan gabungan tentera Serbia dan Bosnia. Satu sejarah hitam berlaku ketika peperangan tersebut

apabila Sultan Murad I terbunuh di medan perang oleh seorang bangsawan Serbia yang munafik berpura-pura untuk berpaling tadah ke kem Uthmaniyyah yang sebenarnya memiliki niat untuk membunuh baginda. Peristiwa tersebut menimbulkan kemarahan tentera Uthmaniyyah, sehingga menyebabkan pasukan tentera Islam yang diketuai oleh anaknya Bayezid I datang menyerang kembali pasukan itu sehingga tewas (Abu Hanifah Haris. 2020: 87-100).

Cabaran dalam Pertempuran Kosovo Pada 1389

Pertempuran Kosovo tahun 1389 sangat penting dalam pembentukan negara Balkan moden, terutamanya dalam kalangan nasionalis Slavia Selatan dan Serbia. Menurut kenyataan dari Robert E. & Bejtullah D. (2018: 76) membawa peristiwa berkaitan pertempuran antara Sultan Murad dan gabungan pasukan Balkan yang sangat bagus dan hebat. Baginda sangat bersedia dalam kelengkapan peperangan menuju ke Kosovo yang telah membawa kesan sejarah hitam akibat pembunuhannya oleh seorang bangsa Serbia, iaitu Milos Obilic. Dengan mencadangkan naratif alternatif, "Pertempuran Kosovo 1389" menawarkan pemahaman yang lebih luas meliputi pasca perang dalam memperkukuhkan identiti kolektif yang menekankan penentangan terhadap penindasan asing yang kita sangat kenali iaitu budaya tipu helah Eropah, terutamanya Kristian.

Kedudukan Uthmaniyyah Semasa Pertempuran Kosovo 1389

Pertempuran Kosovo berlangsung pada tarikh 15 Jun 1389 terletak di Daerah Branković yang melibatkan kerajaan Uthmaniyyah dan gabungan kerajaan kristian di Eropah barat. Pihak yang terlibat menentang Uthmaniyyah ialah kerajaan Serbia, Bosnia, Branković dan pasukan Kesatria Hospitaller. Angkatan tentera Jannisary diketuai oleh Sultan Murad I bersama puteranya yang turut sertai iaitu Bayezid I dan Yakub Çelebi. Bagi mengimbangi kekuatan tentera Kristian, maka komandan yang mengetuai gabungan tentera dipimpin oleh Panglima Serbia Lazar Hrebeljanović dari kerajaan Serbia. Penglibatan dan penyertaan kerajaan lain juga dipimpin oleh Vuk Branković (Daerah Branković), Vlatko Vuković dari kerajaan Hum (kerajaan Bosnia) dan juga ketenteraan John dari Palisna. Vlatko Vuković merupakan seorang komander tentera terbaik Raja Tvrtko I, manakala Lazar Hrebeljanović adalah penguasa Serbia Moravia yang mempunyai barisan ketenteraan yang kuat dalam pensejarahannya selepas keruntuhan kerajaan tersebut pada tahun 1371. Hal ini dinyatakan oleh Branković yang merupakan pemerintah Distrik Brankovića yang terletak di salah satu wilayah Kosovo, yang turut memperakui Lazar sebagai maharaja yang mempunyai kekuatan dalam ketenteraan dan politik yang besar. Pertempuran ini berlangsung di dataran luas Kosovo, sekitar 5 kilometer di sebelah barat laut (kini terletak di kota Prishtina).

Menurut Quataert, Donald (2005: 10) telah menyaksikan pertempuran berlaku pada 15 Jun 1396 menjelang waktu pagi serangan di antara pihak Islam dan Kristian menerusi bedilan meriam Serbia tetapi ia gagal ditembusi kerana perbezaan jarak tentera Uthmaniyyah yang sangat jauh. Manakala, meriam Uthmaniyyah yang tidak berjaya menyebabkan barisan pemanah diketuai Bayezid I bangkit pertahankan pasukannya. Pada masa yang sama, Putera Lazar dari Serbia memerintahkan pasukan kavalrinya untuk maju menewaskan pasukan

berkuda Uthmaniyyah, tetapi malangnya serangan mereka telah ditangkis oleh pasukan tengah dan pasukan sayap kanan Uthmaniyyah. Kesannya, tentera Serbia banyak terkorban dan serangan demi serangan tetap diteruskan oleh pasukan sayap kanan Serbia sehingga berhasil melancarkan serangan yang menyebabkan tentera Uthmaniyyah telah diheret bertempur sehingga ke kawasan khemah mereka. Melihat situasi itu, Bayezid I yang berada di pasukan sayap kanan Uthmaniyyah segera memberi semangat bersama-sama dan membantu menentang pasukan sayap kiri Serbia sehingga mereka menghadapi kesulitan saat awal pertempuran (Quataert, Donald. 2005: 10).

Sepanjang peperangan ini berlangsung, sekaligus membawa banyak kematian melibatkan pihak lawan mahupun pihak Uthmaniyyah. Meskipun Islam berhasil menewaskan pasukan Serbia, namun mereka juga menderita kerana jumlah yang terkorban sangat ramai sehingga menunda perkembangan perluasan mereka. Oleh itu, pihak Serbia bertindak meninggalkan pertempuran tersebut dan hanya saki-baki yang masih berjuang di medan pertempuran demi mempertahankan tanah mereka secara efektif, sementara pihak Uthmaniyyah masih memiliki jumlah tentera lebih besar yang telah bersedia di timur Kosovo. Secara natijahnya, peristiwa ini mengakibatkan kesan besar kepada kedua belah pihak selepas pertempuran ini tamat meskipun secara taktikalnya tidak dapat disimpulkan keputusan kemenangan kerana kedua-dua belah pihak menanggung kerugian yang besar. Meskipun begitu, sejarawan Donald Quataert menyatakan secara zahirnya kerajaan Uthmaniyyah memenangi strategi peperangan yang cukup bagus berbanding tentera salib (Donald Quataert. 2005: 26).

Seterusnya. pada kemuncak pertempuran Kosovo yang hampir berakhir, sebahagian tentera salib yang masih tinggal di medan pertempuran telah berundur dari medan peperangan. Selepas Sultan Murad I melihat pihak musuh melarikan diri, lalu diperintahkan tentera di sekelilingnya untuk mengejar musuh tersebut. Tanpa disangka, situasi tersebut telah menyebabkan nyawa baginda terancam kerana tiada perlindungan pertahanan dikelilinginya dan mudah diserang hendap oleh musuh. Akibatnya sekumpulan kesateria Serbia telah menyerang Sultan Murad I. Sementara itu, tentera Islam berkuda diketuai Bayezid I baru menyedari bahawa bapanya, Sultan Murad I telah terbunuh semasa peperangan Kosovo berlangsung. Kerana kemarahan tersebut, Bayezid I hampir mencekik adiknya, Yakub Çelebi kerana tidak melindungi bapa mereka dan tidak mengkhabarkan berita tersebut kepadanya dengan segera semasa tragedi itu berlaku. Punca kematian bapanya adalah disebabkan perbuatan munafik dari tentera Kristian. Selepas pengebumian Sultan Murad I. Implikasinya pada tahun 1389, Bayezid I telah diangkat menjadi pewaris mutlak kesultanan Uthmaniyyah yang keempat.

Penyelarasan Struktur Ketenteraan

Sultan Murad I sentiasa melaksanakan penyelarasan usaha ayah dan datuknya dalam membangunkan pasukan tentera yang terlatih. Ini bermaksud tentera Uthmaniyyah sangat berbeza dengan komposisi pasukan tentera yang pernah diterajui oleh kerajaan Saljuk. Semasa pemerintahan Sultan Murad I, baginda menstruktur semula organisasi dengan menekankan tentera berkuda dalam peratusan jumlah besar yang dikenali sebagai *akinji*. Kavalri ataupun

pasukan berkuda merupakan sebuah pasukan askar yang berperang menunggang kuda, ataupun unta bersama senjata perang seperti pedang dan pemanah. Pada zaman abad ke-14M, antara kemudahan dan kecanggihan perang yang ada ketika itu merupakan teknik gerakan yang sangat pantas. Mereka bersenjatakan busur campuran, kapak, pedang dan belantan. Teknik pertempuran mereka kebiasaan bertindak sebagai penyerang hendap atau disebut sebagai pasukan sayap. Kavalri terlatih atau dikenali 'sipahi' merupakan pasukan kavalri utama yang turut berperanan menjaga dan menyimpan peralatan bersenjatakan seperti lembing dan busur.

Selain itu, Sultan Murad I juga mula menggunakan hamba peribadi dan penduduk Kristian dalam membentuk pasukan elit tentera Janissary. Pasukan ini dilengkapi dengan pelbagai senjata dan mempunyai peranan tersendiri dalam berkhidmat sebagai pelindung kepada sultan dan ia memiliki *infantri* mahupun *kavalri*. Tentera Uthmaniyyah juga memiliki meriam gergasi di barisan pasukan hadapan mereka. Secara keseluruhannya, semasa perang Kosovo berlaku, Sultan Murad I telah membawa angkatan tentera seramai 50,000 tentera *kavalri* yang terlatih. Manakala, pihak lawan dari pasukan gabungan Serbia pula memiliki barisan ketenteraan yang hebat di Eropah yang diketuai oleh Putera Lazar dengan membawa kira-kira 30,000 orang pasukan tenteranya (Emmert & Thomas. 1991: 9).

Sehubungan dengan itu, terdapat pergunungan yang mengelilingi medan dataran kawasan Kosovo di barat dan timur. Semasa tercetusnya peperangan tersebut, Putera Lazar menganalisis bahawa pasukan tenteranya tidak dapat menewaskan Uthmaniyyah kerana melihat jumlah tenteranya yang terkorban terlalu ramai. Maka, baki tentera yang tinggal hanya seramai 15,000 tentera dan diletakkan di bahagian barisan tengah yang dipimpin oleh putera Serbia sendiri. Kavalri Serbia pula berada di barisan hadapan diikuti pasukan infantri Uthmaniyyah di barisan berikutnya. Kedudukan pasukan musuh bahagian kiri diketuai oleh Vlatko Vuković sementara pasukan bahagian kanan telah dipimpin oleh bangsawan tempatan iaitu Vuk Branković yang memiliki gabungan jumlah sekitar 7000 tentera. Menerusi strategi tentera kristian tersebut, Sultan Murad I mula menyusun barisan tenteranya yang diletakkan bahagian hadapan seramai 20,000 tentera terlatih manakala anaknya, Yakub menjadi ketua komander bagi 15,000 perajurit dalam pasukan sayap kiri sementara Bayezid I pula mengetuai pasukan sayap kanan dengan jumlah kekuatan yang sama seperti pasukan sayap kiri. Barisan hadapan Uthmaniyyah pula terdiri daripada pemanah yang dikelilingi parit kecil yang diisi dengan kayu tajam (Brendan Humphreys. 2013: 179). Kebanyakannya *artileri* telah diletakkan di bahagian tengah kedua-dua pasukan bagi pihak Serbia mahupun pihak Uthmaniyyah. Cadangan penggalian parit ini tercetus menerusi sejarah peperangan Khandak yang berlaku semasa pemerintahan Rasulullah saw di Madinah.

Menjelang sebelum pertempuran Kosovo berlangsung, pemimpin pasukan sayap kanan Serbia iaitu Vuk Branković bertindak meninggalkan medan pertempuran bersama sebahagian besar perajurit yang berada di bawah komandannya. Sejarawan mengatakan tindakan Vuk seorang pengkhianat dan telah membuat perjanjian dengan Uthmaniyyah untuk meninggalkan pertempuran sebelum peperangan berlaku. Pendapat yang lain pula mendakwa bahawa Vuk Branković telah menyelamatkan pasukannya bagi membolehkannya mereka menyusun strategi untuk kembali menyerang Uthmaniyyah dalam jangka masa dua dekad berikutnya (John K. Cox. 2002: 30). Maka, tentera Serbia mula berundur sedikit demi sedikit, namun sebahagian tenteranya telah dikepung dan ditawan oleh Uthmaniyyah. Oleh itu, Sultan Murad I yakin memperolehi kemenangan tanpa sebarang syak wasangka sehingga menitahkan majoriti

pasukan tenteranya bergerak menyelesaikan dan menawan baki tentera musuh yang ada. Disebabkan kekurangan benteng pasukan pertahanan yang sepatutnya melindungi sultan, maka baginda terdedah dengan ancaman bahaya. Kemudian, sekumpulan tentera Serbia iaitu seramai 11 orang telah memanfaatkan peluang ini dengan menyerang hendap pertahanan kawalan sultan Murad I, sehingga akhirnya baginda dibunuh di tangan bangsa Serbia iaitu Miloš Obilić.

Selepas menyedari situasi pembunuhan Sultan Murad I, maka tentera Uthmaniyyah segera mengejar dan membunuh kesemua pasukan hendap Serbia tersebut kecuali Miloš Obilić yang sempat melarikan diri. Di sisi medan pertempuran yang lain, Putera Lazar telah tewas dalam peperangan telah melarikan diri dan terselamat dalam peperangan tersebut. Sekembalinya, Lazar dan Milos bersama sisa baki tenteranya, mereka terus diberi anugerah dan kedua-duanya telah dilantik menjadi *santo* oleh Gereja Serbia meskipun mereka tewas dalam Pertempuran Kosovo itu. Menerusi berita kematian Sultan Murad I, telah memberi kegembiraan besar kepada seluruh penduduk Serbia meskipun kesan kepada pertempuran itu menyebabkan jumlah tentera mereka yang terkorban sangat tinggi sehingga digelar tempat mandi berdarah. Jumlah angka korban dari kedua-dua pihak sangat besar. Peristiwa tersebut tidak mematahkan usaha kerajaan Uthmaniyyah, malah di bawah pemerintahan kesultanan seterusnya, mereka bangkit meneruskan kembali misi penguasaan di Eropah sehingga meliputi semenanjung Balkan (Brendan Humphreys. 2013: 67).

Secara konklusinya, sepanjang pemerintahan Sultan Murad I telah disertai hampir 37 pertempuran penting dan hampir memenangi kesemuanya. Pada akhir peperangan yang pernah disertai baginda, iaitu pertempuran Kosovo pada tahun 1389 telah menjadi medan terakhir yang disertai oleh baginda sebelum dibunuh oleh tentera Serbia iaitu Milos Obilic. Peristiwa itu menjadi sejarah pertama apabila satu-satunya sultan Uthmaniyyah yang terbunuh di medan perang. Jenazah Sultan Murad I dibawa ke Bursa dan dikebumikan di makamnya di Distrik Cekirge. Tampuk pemerintahan Uthmaniyyah disambung legasinya oleh putera baginda iaitu Yildirim Bayezid. Gugur syahid Sultan Murad I telah menjadi fenomena besar dan berita yang masyhur dalam kalangan kerajaan Kristian. Sebahagian kerajaan luar hilang kepercayaan terhadap kekuatan Uthmaniyyah dan ada sebahagian masih kekal tunduk hormat kepada kerajaan Islam kerana ingin berusaha mendapatkan autonominya kembali.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa institusi kerajaan Turki Uthmaniyyah sangat menitik beratkan aspek *maqasid syariah*. Sewajarnya, sikap dan pendirian umat Islam perlu jelas terhadap pentadbirannya dalam mencerminkan kemajuan sesebuah kerajaan. Namun, ia merupakan faktor untuk melaksanakan agenda-agenda dakwah terhadap penduduk negara-negara yang terbabit. Ternyata penekanan tersebut telah membawa institusi ketenteraan Islam kepada matlamat yang kemajuan kerajaan berlandaskan al-Quran dan Sunnah. Tuntasnya, institusi ketenteraan pada zaman Rasulullah saw sememangnya memberi contoh dan teladan yang baik kepada generasi kerajaan akan datang.

Rujukan

- Abu Hanifah Haris. 2020. Sejarah Kerajaan Turki Uthmaniyyah Dan Sumbangannya Dalam Bidang Sosiopolitik Abad Ke-14 Hingga Abad Ke-20. *Journal of Al-Tamaddun*, 15 (1): 85-107
- Brendan Humphreys. 2013. *The Battle Backwards: A Comparative Study of the Battle of Kosovo Polje (1389) And The Munich Agreement (1938) As Political Myths*. Tesis. University of Helsinki.
- Cemal B, Ayşe Y. 2003. The Importance of Property Ownership and Management System in the Ottoman Empire in Point of Today. *Morocco: FIG Regional Conference 2-5*.
- Emmert, Thomas. 1991. *Kosovo: Legacy of A Medieval Battle*. University of Minnesota Press.
- Gabor Agoston. 2009. "Murad II" *Encyclopedia of the Ottoman Empire*. New York: Facts On File Inc.
- Halil Inalcık. 2006. "Murad I". *Tdv Encyclopedia of Islam. Centre for Islamic Studies* 31: 156–164.
- Heath W. Lowry. 2003. *The Nature of the Early Ottoman State*. Albany: State University of New York Press.
- Imber & Colin. 2012. *Kerajaan Ottoman: Struktur Kekuasaan Sebuah Kerajaan Islam Terkuat dalam Sejarah*. Jakarta: Elex Media Komputindo.
- John K. Cox. 2002. *The History of Serbia*. Greenwood Publishing Group.
- John V. A. Fine. 1994. *The Late Medieval Balkans*. The University of Michigan Press.
- Kinross, Patrick. 1979. *The Rise and Fall of The Turkish Empire*. London: Perennial.
- Leslie P. Peirce. 1993. *The Imperial Harem: Women and Sovereignty in the Ottoman Empire*. Oxford University Press.
- Lord Eversley. 2020. *The Turkish Empire*. Bod – Books On Demand.
- Lowry, Heath. 2003. *The Nature of the Early Ottoman State*. Albany: Suny Press.
- Mehrdad Kia. 2008. *The Ottoman Empire*. England: Greenwood Press.
- Namık, Kemal. 1982. *Osmanlı Tarihi*. Türk Tarih Kurumu.
- Norwich, John Julius. 1998. *A Short History of Byzantium*. Vintage Publisher.
- Quataert, Donald. 2005. *The Ottoman Empire, 1700–1922 (Ed. 2)*. Cambridge: University Press.
- Robert Elsie, Bejtullah D. Destani. 2018. *Kosovo, A Documentary History from the Balkan Wars to World War II*. London: Bloomsbury Publishing
- Stephen Turnbull. 2003. *Essential History: The Ottoman Empire 1326-1699*. Osprey Publishing.
- Swinburne Carr & Thomas. 1838. *The history and geography of Greece*. Simpkin: Marshall & Company.
- Yusrizal, Ezad A. J, Ermy A. R. 2021. *Pembaharuan Ketenteraan Uthmaniyyah Era Selim III*. Universiti Kebangsaan Malaysia.